

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 16
 RUANGAN : NEGARA

Restoran makanan segera ada lipas diarah tutup sementara

SEREMBAN - Sebuah restoran makanan segera terkemuka di sebuah pasar raya di bandar ini diarah tutup sementara selama 14 hari bermula semalam oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan kerana tahap kebersihannya yang kurang memuaskan.

Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan, Dr. Abdul Rahim Abdullah berkata, pihaknya mendapati restoran itu menghadapi masalah kawalan serangga perosak selepas seorang pelanggannya mendakwa, minuman coklat dibeli di premis itu mengandungi lipas pada 10 Januari lalu.

"Kami menjalankan pemeriksaan hari ini (semalam) selepas gambar minuman coklat yang dibeli di premis itu oleh seorang wanita kelmarin menjadi viral di media sosial sejak beberapa hari lalu.

"Berdasarkan pemeriksaan Jabatan Kesihatan negeri, kita tidak


berpuas hati dengan tahap kebersihan premis itu malah mendapati mereka tidak mengambil tindakan kawalan serangga yang sepatutnya," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Abdul Rahim berkata, tahap penilaian kebersihan ke atas restoran makanan segera itu hanya 57.5 peratus menyebabkan premis berkenaan diarah ditutup sementara mengikut Seksyen 11 Akta Makanan 1983.

Bagaimanapun, katanya, restoran makanan segera itu boleh membuat rayuan selepas menyelesaikan isu kebersihan mengikut nasihat yang diberikan Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan.

Sementara itu, beliau berkata, pihaknya turut menyiasat satu lagi rakaman video seorang pelanggan menemui ulat dalam sos sambal di sebuah restoran di Bandar Baru Nilai pada Ahad lalu.

Kata beliau, pemerik-



Berhati-hati bila order dan minum air hot milo di [redacted] sila buka penutup sebelum minum kerana benda ni terjadi pada saya serta rakan sy Nurul Faiqah waktu lunch di [redacted] jusco seremban 2, tengahari tadi, terdapat lipas seperti dalam gambar ni, dimanakah letak nya keutamaan kebersihan di restoran ini? Berapa lama kah mesin itu tidak dibersihkan, sudah berapa ramai yg minum tanpa menyedari nya. Ternyata sungguh kotor restoran ini.

 #Serembanmacammacamada
 #KementerianKesihatanMalaysia
 #KPDNKK
 #hatihati



KERATAN status seorang pelanggan dalam Facebooknya mengenai kejadian lipas ditemui di dalam minumannya di sebuah restoran makanan segera di Seremban yang menjadi viral baru-baru ini.

saan Jabatan Kesihatan negeri pada Isnin lalu mendapati, tempat penyimpanan makanan belum dimasak di premis itu berada dalam keadaan tidak memuaskan.

"Kita telah mengeluarkan kompaun RM1,000 mengikut Seksyen 32B Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 kepada premis itu," jelasnya.